

## Reaksi Masyarakat Malaysia terhadap Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Semasa Penularan Wabak Covid-19

*Malaysian's Reactions on Movement Control Order (MCO)  
during the Covid-19 Pandemic*

NUR HAFIZAH YUSOFF & MUHAMMAD RIDHWAN SARIFIN

### ABSTRAK

COVID-19 telah diisyiharkan sebagai satu pandemik kesihatan. Ia secara tidak langsung bukan sahaja memberikan kesan terhadap kesihatan seseorang individu yang dijangkiti bahkan ia boleh mengancam kepupusan di sebuah negara jika tidak diatasi dengan cepat dan bijak. Penjarakkan sosial sepertimana diwar-warkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) merupakan salah satu pencegahan kesihatan awam yang berkesan dalam memutuskan rantaian jangkitan COVID-19. Justeru itu, artikel ini menilai mengenai reaksi masyarakat serta kepatuhan masyarakat terhadap PKP yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia. Kajian ini dilaksanakan ketika PKP berada di fasa ketiga. Kajian menggunakan pendekatan kuantitatif sebagai kaedah utama iaitu menggunakan borang soal selidik yang diedarkan secara dalam talian menggunakan google form. Seramai 959 orang responden telah menjawab soal selidik ini. Dapatan utama kajian mendapati majoriti responden memberikan reaksi positif terhadap arahan PKP yang telah dikeluarkan. Dari segi kepatuhan pula, majoriti responden turut menyatakan kepatuhan mereka terhadap PKP. Namun demikian, didapati antara sebab kepatuhan ini adalah disebabkan oleh visibility pihak berkuasa yang ditempatkan di seluruh negara. Adalah lebih baik jika kesemua rakyat negara ini mematuhi PKP kerana 'self internalization' mengenai kesedaran perlunya mematuhi PKP, iaitu memastikan rantaian jangkitan COVID-19 dihapuskan daripada membimbangi akibat seandainya ditangkap oleh pihak berkuasa. Keseluruhananya, masyarakat mengambil cakna terhadap arahan PKP dan pihak kerajaan juga sudah semakin melonggarkan arahan PKP dengan memperkenalkan kini Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang menekankan kepada kawalan kendiri anggota masyarakat.

Kata kunci: Penjarakkan sosial; reaksi masyarakat; interaksi sosial; COVID-19; perintah kawalan pergerakan

### ABSTRACT

COVID-19 has been declared a pandemic and social distancing as addressed by the World Health Organization (WHO) is one of the most effective public health measures to break infection chain. This article examines the reaction of the community and the community's compliance with the PKP implemented by the Malaysian government. This study was conducted when the PKP was in its third phase. Studies use quantitative approaches as the main method of using questionnaires distributed online using google form. A total of 959 respondents answered this questionnaire. The main finding is that most respondents reacted positively to the PKP. On the other hand, most respondents also expressed their allegiance to the PKP. However, one of the reasons for this compliance is due to the visibility of authorities located throughout the country. But it would be more success if all citizens adhere to the PKP because of self control to ensure that the COVID-19 infection chain is eliminated from the defense if it is arrested by the authorities. Overall, the public has taken to the PKP's direction and the government has further liberalized the PKP directive by introducing the Recovery Movement Order (PKPP) which emphasizes the self-control of members of the community.

Keywords: Social distancing; societal reaction; social interaction; COVID-19, movement control order

### PENGENALAN

Tahun 2020 telah menyaksikan beratus buah negara telah disahkan berhadapan dengan wabak penyakit yang dikenali sebagai novel β-coronavirus (2019-nCoV) atau COVID-19. Mengikut Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang dikemaskini sehingga

23 April 2020, sebanyak 225 buah negara terlibat dengan penularan wabak penyakit sehingga WHO mengistiharkan tahap pandemik dengan melibatkan 175,694 kematian (WHO, 2020). Wabak penyakit ini dikesan bermula di Wuhan Wilayah Hubei, Republik China pada akhir November 2019 (Giovanetti et al. 2020). Oleh itu, bagi mengekang wabak penyakit

ini, kebanyakan negara yang menghadapi situasi COVID-19 ini telah melakukan pelan tindakan dengan pendekatan memakai penutup hidung dan mulut, amalan penjarakkan sosial dan juga perintah kawalan pergerakan (PKP) secara penuh dan separa penuh di sesuatu wilayah atau negara.

Menurut BBC News Research (2020), ketika wabak ini telah merebak ke seluruh dunia yang menyebabkan semakin sukar untuk diatasi, lebih banyak negara memilih untuk mengambil langkah-langkah sekeras mungkin untuk membendungnya. Lebih dari 100 negara di seluruh dunia telah melaksanakan penutupan sepenuhnya atau sebahagian pada akhir bulan Mac 2020, yang melibatkan berjuta-juta orang penduduk dunia. Tidak kurang juga, banyak negara telah mengesyorkan pergerakan terhad untuk beberapa atau semua rakyat mereka. Di wilayah yang baru mengesahkan kes koronavirus pertama, mereka dikatakan belajar dari negara rakan Asia dan Eropah yang terlebih dahulu mencatatkan kes COVID-19. Kerajaan di Afrika nampaknya bertindak lebih pantas dan lebih tegas untuk membendung wabak coronavirus disebabkan Negara Afrika mengalami krisis sistem penjagaan kesihatan untuk wilayah itu (BBC News Research, 2020). Pelaksanaan *lockdown* di beberapa negara telah menyaksikan tingkah laku seperti mana disiarkan di media sosial dan berita-berita di dalam talian. Arahān *lockdown* ini telah mempengaruhi keseluruhan aktiviti manusia. Hal ini kerana masyarakat merasakan ketakutan melampau sehingga berlaku pergaduhan di pusat membeli belah kerana merebut bekalan makanan mahupun bekalan penjagaan kesihatan kepada penduduk di beberapa negara.

Pada Perutusan Khas Perdana Menteri pada 16 Mac 2020, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengisyiharkan PKP fasa 1 berkuat kuasa mulai 18 Mac hingga 31 Mac 2020 di seluruh negara bagi mengekang penularan COVID-19. PKP itu meliputi larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan ramai di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya. Fasa 2 dilaksanakan melalui perutusan khas Perdana Menteri pada 25 Mac 2020 dengan pengumuman pelanjutan tempoh PKP fasa 2 bermula 1 April sehingga 14 April 2020. Fasa kedua yang bermula 1 April 2020 sehingga 14 April, kerajaan mengeluarkan arahan premis perniagaan yang menjual barang keperluan harian termasuk pasar raya serta stesen minyak sahaja dibenarkan beroperasi dari jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam. Pada fasa kedua ini juga,

arahān had perjalanan individu yang keluar rumah dalam tempoh PKP bagi tujuan dibenarkan adalah ditetapkan dalam radius tidak melebihi 10 kilometer (km) dari kediaman. Pada 10 April 2020 selepas mendapat arahan dari Kementerian Kesihatan Malaysia, Perdana Menteri mengumumkan PKP dilanjutkan untuk tempoh dua minggu lagi iaitu dari 15 April hingga 28 April 2020 dengan menyaksikan sesi persekolahan ditangguh sehingga keadaan kembali pulih (Sinar Harian, 10 April 2020).

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang kini telah memasuki Fasa ke-3 dan berkemungkinan bakal dilanjutkan lagi. Namun demikian, perlaksanaan PKP ini memiliki cabarannya yang tersendiri. Sehingga kini, perlaksaan PKP masih belum berjaya memastikan pematuhanya berada ditahap 100%. Hal ini didorong faktor masyarakat negara ini dan budaya dalam kalangan masyarakat Malaysia yang sebelum ini mementingkan interaksi sosial dan hubungan sosial dalam kehidupan seharian. Tambahan pula, sudah menjadi budaya bagi rakyat Malaysia sekian lama, apabila adanya cuti panjang diberikan oleh pihak kerajaan, semua orang lazimnya akan mengambil kesempatan pulang ke kampung halaman masing-masing. Justeru itu, apabila pihak kerajaan mengumumkan arahan PKP peringkat pertama, kelihatan berpusu-pusu rakyat mengambil peluang pulang ke kampung seperti tersebut di media sosial (Malaysiakini, 17 Mac 2020). Secara tidak langsung, perbuatan tersebut telah bercanggah dengan inisiatif kerajaan mewujudkan PKP dengan harapan setiap rakyat kekal berada di lokasi mereka pada ketika itu. Perkara-perkara seperti itu yang menjadikan cabaran kepada PKP di negara ini. Walaubagaimanapun, pihak kerajaan mula menyedari bahawa langkah pengawalan lebih serius perlu dilakukan bagi memastikan anggota masyarakat mematuhi PKP ini.

## SOROTAN KAJIAN LEPAS

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang sinonim dengan perkataan *lockdown* sememangnya mempengaruhi kehidupan rakyat. Negara yang mengambil langkah *lockdown* berhadapan dengan cabaran. Selain itu, pandemik COVID-19 telah menyebabkan aktiviti ekonomi terganggu, kualiti hidup yang menurun, dan prospek pertumbuhan di sekitar dunia meruncing (ASEAN Policy Brief 2020). Selain itu, perintah sekatan pergerakan turut menyebabkan masyarakat menjadi keliru dan

menghadapi tekanan psikologi. Hal ini kerana, masyarakat adalah makhluk yang perlu berinteraksi dengan orang lain bagi mewujudkan hubungan sosial (Tomasello 2020). Perintah *lockdown* telah menghalang mereka menjalankan aktiviti sosial sehingga penguatkuasaan undang-undang dilaksanakan. Bagi negara yang tidak melaksanakan *lockdown*, ia disebabkan ketergantungan kepada ekonomi kerana kedudukan ekonomi negara yang meruncing menyebabkan *lockdown* tidak boleh dilakukan seperti di Kemboja, Gambia dan Somalia. Negara tersebut lebih bimbang kepada keadaan ekonomi berbanding pencegahan wabak. Namun, interaksi seiring dengan budaya telah menyebabkan perintah *lockdown* ditukar dengan pendekatan meminum alkohol dan bersauna seperti yang dilakukan oleh Belarus (BBC News Research, 2020). Belarus telah mencatatkan 55 kematian kematian dan hampir tujuh ribu kes disahkan positif COVID-19 (WHO, 2020). Bagi negara-negara seperti Indonesia, dan India yang mempunyai penduduk yang ramai dan ekonomi yang jurang antara rakyat telah menimbulkan cabaran yang tersendiri kerana kelas sosial masyarakat yang berlapis dan kepelbagaian suku menyukarkan pelaksanaan *lockdown* (BBC Research News 2020)

Karnon (2020) dalam penulisannya bertajuk "*A Simple Decision Analysis of a Mandatory Lockdown Response to the COVID-19 Pandemic*" menjelaskan pada 29 Mac 2020 melihatkan hampir seluruh dunia membahaskan dasar mengenai bagaimana pemerintah harus bertindak balas terhadap pandemik COVID-19. '*Lockdowners*' dianggap sebagai suatu sekatan yang lebih ketat secara ringkas dinyatakan oleh Perdana Menteri New Zealand. Perbahasan kedua adalah sebagai kuarantine wajib secara besar-besaran. Hujah mengenai *lockdowners* adalah untuk mengurangkan tempoh krisis bagi mengurangkan jumlah kes COVID-19 dan mengurangkan tempoh gangguan terhadap ekonomi negara yang terlibat. Hujah yang serius dengan pelaksanaan pemberian nasihat dan peningkatan kesedaran seterusnya dengan pilihan hukuman untuk pelanggaran arahan perlu ditekankan. Pelbagai perbincangan dihujahkan seperti yang diketengahkan oleh Perdana Menteri Australia iaitu Scott Morrison berkaitan penting untuk mempertimbangkan kemungkinan kesan buruk dari *lockdown* terhadap kesejahteraan penduduk termasuk kesan psikologi dan kesan fizikal kerana wujudnya pengurangan akses kepada penjagaan kesihatan dan peningkatan keganasan rumah serta kesan pengasingan. Dalam

kajian tersebut, keputusan analisis melalui 'pohon keputusan' untuk menyusun masalah. Ia digunakan untuk membandingkan pilihan dasar *lockdown* segera dengan pemeliharaan pendekatan langkah bertahap. Pokok ini menunjukkan kemungkinan bahawa *lockdown* mandatori diperlukan atau tidak diperlukan pada tahap krisis melalui tiga hasil penilaian yang mengambil kira i) jumlah kes COVID-19; ii) kesan terhadap ekonomi; iii) kesan pengasingan terhadap kesejahteraan penduduk.

Kajian terkini berkaitan emosi semasa *lockdown* oleh Barkur & Kamath (2020) membincangkan isu *lockdown* di seluruh dunia menggunakan sentimen analisis secara sepudu. Dengan tajuk "*Sentiment Analysis of Nationwide Lockdown due to COVID-19 Outbreak: Evidence from India*" membincangkan analisis sentimen orang India setelah pengumuman untuk pelaksanaan *lockdown* dikuatkuasakan. Kajiannya yang menggunakan platform media sosial Twitter telah di analis untuk mengukur perasaan orang India terhadap perintah *lockdown*. Tweet diekstrak menggunakan dua hashtag tertinggi digunakan iaitu: #IndiaLockdown dan #IndiaFightsCorona dari 25 Mac hingga 28 Mac 2020. Sebanyak 24000 tweet diambil untuk dianalisis oleh Barkur & Kamath. Pendekatan analisis kandungan itu mendapat beberapa aspek positif dan negatif. Walaupun terdapat sentimen negatif, seperti ketakutan, jijik (melihat mayat dibiarakan) dan kesedihan mengenai *lockdown*, tetapi sentimen positif menonjol untuk mereka meratakan lekukan dan komited terhadap pemutusan rangkaian jangkitannya. Analisis itu mendapat beberapa tweet menyatakan rasa terkejut dengan keputusan itu tetapi secara keseluruhan, rakyat mengharapkan tindakan seperti *lockdown* untuk menahan penyebaran virus dan melakukan jarak sosial dan dengan mengamalkan langkah-langkah kebersihan seperti mencuci tangan dengan kerap menggunakan sabun atau *hand sanitizer*.

Analisis dari tweet itu juga mendapat bahawa *lockdown* akan membawa kepada emosi terhadap peraturan. Kajian yang memberangsangkan berkaitan *lockdown* ini menyatakan kesedihan timbul kerana orang bimbang apa yang akan dilakukan oleh pekerja upah harian untuk bertahan dalam tempoh *lockdown*. Selain itu juga timbul mengenai ketiadaan alkohol serta keimbangan mengenai ketagihan alkohol yang memberikan tindak balas keinginan arahan *lockdown*. Kajian berkaitan tweet itu mendapat secara keseluruhan dapat dilihat bahawa orang India ingin memerangi COVID-19 secara positif dan majoriti setuju dengan pemerintah

untuk mengumumkan *lockdown* bagi meratakan “curve”. Rakyat juga berasakan *lockdown* dibuat lebih awal sebelum kes peningkatan berlaku di India dan memastikan warga yang pulang dari luar negara harus dikuarantinkan oleh pemerintah. Tindak balas terhadap *lockdown* kini menunjukkan bahawa India telah berjaya mengawal penyebaran virus dengan baik (Barkur & Kamath, 2020).

Pelaksanaan perintah *lockdown* telah menghentikan beberapa aktiviti harian manusia. Di negara-negara yang melakukan *lockdown* secara nasional, aktiviti interaksi sosial juga terhenti seperti senaman di taman rekreasi, riadah di kawasan pantai dan sebagainya. Hal ini dilihat mengurangkan tahap kesihatan masyarakat. Oleh itu, nasihat yang murni oleh Peijie Chen et al. (2020) dalam kajian artikel bertajuk “*Opinion Wuhan coronavirus (2019-nCoV): The need to maintain regular physical activity while taking precautions*” menjelaskan aktiviti fizikal di harus dilaksanakan bagi mengelakkan masalah kesihatan kemudian hari. Aktiviti yang dinyatakan adalah melalui pergerakan asas. Ia bagi mengurangkan tekanan akibat *lockdown* seterusnya menghindari dari melanggar arahan perintah kawalan pergerakan di luar kawasan rumah. Pengurusan aktiviti secara tidak langsung dapat mengeratkan hubungan keluarga kerana aktiviti ini boleh dilakukan sesama keluarga. Kekerapan aktiviti fizikal di rumah secara tidak langsung mengurangkan pergerakan keluar rumah serta mengekalkan tahap kesihatan disebabkan kekerapan pengambilan makanan lebih banyak berbanding fenomena *lockdown*. Seperti yang dinyatakan oleh Chen et al (2020) “sekali aktiviti lebih baik dari tidak melakukan”.

Di India, protest terhadap arahan *lockdown* dilakukan oleh kakitangan akademik. Hal ini kerana kakitangan diarahkan untuk bekerja di institusi masing-masing sama ada diperangkat pengajian tinggi mahupun sekolah. Seperti penulis Bhat et al. (2020) yang meluahkan perasaan melalui artikel bertajuk “*COVID2019 outbreak: The disappointment in Indian teachers*” menjelaskan arahan *lockdown* tertakluk kepada pelajar semata-mata. Kekecewaan ini dizahirkan melalui petisyen yang ditandatangan oleh 53 ribu kakitangan akademik untuk mendesak kerajaan memasukkan kakitangan akademik dalam arahan *lockdown*. Institut pengajian swasta dan kerajaan perlu memberi jaminan keselamatan kepada kakitangan akademik untuk terhindari dari jangkitan virus supaya semua masyarakat dapat memainkan peranan memutuskan rangkaian

penyebaran *COVID-19* di 82 daerah yang terjejas.

Nazir & Rashid melalui artikel bertajuk “*Community callousness towards lockdown of COVID-19 pandemic and the role of preventive specialist*” melakukan kajian di Srinagar ke atas masyarakat yang memasuki premis kesihatan. Pemerhatian dilakukan ke atas individu yang melanggar peraturan amalan jarak sosial seterusnya diwawancara oleh penulis mengenai alasan melanggar peraturan. Hasil kajiannya mengkaji bilangan orang yang melanggar peraturan selama tujuh hari berturut. Pemboleh ubah merangkumi usia, jantina, status perkahwinan, pendidikan, dan pekerjaan diambil kira bagi orang yang melanggar peraturan ini. Pada hari pertama kajian, hasil mendapati seramai 736 orang dilihat melanggar peraturan. Umur min individu melanggar peraturan adalah adalah  $29.86 \pm 3.24$  tahun. Majoriti daripadanya adalah lelaki sebanyak 674 orang atau 91.57%. Jumlah orang yang tidak mematuhi peraturan pada hari kedua adalah seramai 438 orang, dengan lelaki lebih tinggi iaitu 398 orang atau 90.87%. Pada hari ketiga, jumlah pelanggaran terus menurun menjadi 216 orang, dengan jumlah lelaki adalah seramai 198 orang (91.66%). Bilangan orang yang melanggar peraturan *lockdown* menurun dengan ketara selepas empat hari berikutnya dengan hanya tujuh pelanggaran yang dilihat pada hari terakhir dalam tempoh kajian dilaksanakan. Terdapat perbezaan yang signifikan dalam peraturan antara seluruh kelompok usia, jantina, tahap pendidikan dan status pekerjaan. Secara signifikan dikaitkan dengan pelanggaran peraturan pada hari pertama *lockdown* adalah tahap pendidikan dan umur serta jantina. Trend yang serupa dilihat pada analisis regresi logistik pelbagai pemboleh ubah demografi kerana melanggar peraturan pada hari-hari berikutnya. semasa menemu ramah orang-orang dengan alasan keluar dari rumah mereka dan melanggar peraturan *lockdown*.

Hasil kajian menunjukkan jawapan pesakit percaya sebelum ini bahawa “disebabkan saya sihat, COVID-19 tidak akan menjangkiti saya.” Analisis regresi mendapati perbezaan yang signifikan secara statistik antara “disebabkan saya sihat, COVID-19 tidak akan menjangkiti saya” dengan “COVID-19 adalah tipuan media”, “Tuhan akan menolong kita” “bosan duduk di dalam rumah”, dan keluar untuk membeli bahan makanan”. Kajian tersebut mendapati perbezaan yang signifikan dalam melanggar peraturan di antara kumpulan umur, jantina, tahap pendidikan, dan status pekerjaan

Terdapat bukti yang menunjukkan bahawa orang muda (29-32 tahun) terdedah kepada sejumlah keadaan sosial akibat seseorang seperti pilihan, pengaruh persekitaran dan perubahan gaya hidup. Kumpulan umur ini biasanya tidak memandang serius kehidupan dan tanggungjawab. Secara semula jadi, kumpulan usia ini suka melawan norma-norma masyarakat dan senang melanggar peraturan. Tahap pendidikan cukup mencerminkan tingkah laku terhadap nasihat pemerintah. Oleh itu, diharapkan dapat memahami bahawa berpendidikan dikaitkan dengan kepatuhan yang lebih baik terhadap lockdown memang berlaku di negara India. Manakala sebilangan besar penganggur juga tidak berpendidikan telah meningkatkan kekerapan pelanggaran peraturan (Nazir & Rashid 2020).

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif bagi mendapatkan data. Satu set soal selidik telah dibina dan diedarkan melalui soal selidik dalam talian. Penulis telah meletakkan soal selidik dalam talian selama tiga hari bagi mendapatkan sebanyak mungkin responden bagi menjawab soal selidik berkenaan. Kaedah '*convenience sampling*' digunakan bagi mendapatkan responden. Oleh kerana PKP melibatkan semua masyarakat awam maka persampelan ini sesuai digunakan kerana sesiapa sahaja boleh menjawab soal selidik yang diberikan mengikut kesesuaian masa mereka. Selain itu, kaedah sekunder iaitu menggunakan analisis kandungan seperti dokumen, seperti jurnal dan keratan akhbar menjadi salah satu proses pengutipan data. Proses seterusnya ialah proses memproses dan menganalisis data. Penulis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) bagi tujuan memproses data. Manakala data dipersembahkan di dalam bentuk jadual secara peratusan. Data sekunder pula dianalisis menggunakan analisis tematik iaitu penulis menyusun data menggunakan tema-tema tertentu dan menghuraikannya secara deskriptif.

## HASIL DAN PERBINCANGAN

### PROFIL SOSIODEMOGRAFI RESPONDEN

Seramai 959 orang responden telah menjawab soal selidik yang dipaparkan secara dalam talian.

Sebanyak 68.9% terdiri daripada wanita dan selebihnya adalah responden lelaki. Dari segi pecahan umur pula, majoriti responden iaitu sebanyak 67.5% adalah golongan belia antara umur 20 tahun sehingga 45 tahun. Manakala, baki selebihnya iaitu sebanyak 32.5% adalah berusia melebihi 45 tahun. Responden majoriti terdiri daripada bangsa Melayu iaitu sebanyak 85.6%, diikuti oleh 9.8% responden Bumiputera, 1.7% responden berbangsa Cina, dan 1.1% responden terdiri daripada bangsa India.

Kawasan kediaman para responden pula terbahagi kepada tiga kategori utama iaitu bandar, pinggir bandar dan kawasan kampung serata Malaysia. Seramai 42.4% responden mendiami kawasan bandar, diikuti oleh 30.8% mendiami kawasan kampung dan baki sebanyak 26.8% tinggal di kawasan pinggir bandar.

## PENGETAHUAN MENGENAI PKP

Seperti yang dinyatakan di awal bahawa virus COVID-19 adalah virus baru yang sangat agresif menyerang manusia di seluruh dunia. Oleh yang demikian, antara langkah pencegahan bagi mengekang penularan wabak tersebut adalah melalui PKP. Melalui Akta Pencegahan Penyakit Berjangkit 1988, kerajaan Malaysia telah mengambil langkah mewartakan PKP bermula pada 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020 bagi PKP Fasa 1, diikuti PKP fasa ke 2 dan Fasa 3 yang dijangka akan berakhir pada 28 April 2020. PKP juga tertakluk di bawah Akta Polis 1967 kerana pihak Polis Diraja Malaysia bertanggungjawab penuh memastikan PKP berjalan lancar sambil dibantu oleh beberapa agensi penguatkuasaan yang lain. Seramai 7,500 anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di seluruh negara diatur gerak bagi membantu Polis Diraja Malaysia (PDRM) melaksanakan PKP (Sinar Harian, 10 April 2020). Banyak medium penyampaian maklumat mengenai PKP telah dilakukan oleh pihak kerajaan bagi memastikan setiap rakyat mengetahui perihal pentingnya mematuhi arahan PKP ini.

Berdasarkan Jadual 1, responden diminta menjawab berkenaan pengetahuan mereka mengenai PKP. Boleh disimpulkan bahawa majoriti responden mengetahui mengenai konsep asas PKP yang diamalkan di Malaysia. Seramai 94.1% responden menyatakan bahawa PKP bererti tidak boleh sewenang-wenangnya keluar rumah tanpa sebab kukuh. Penyataan ini mempunyai kaitan dengan objektif utama PKP iaitu mengekang penularan wabak COVID-19. Sebanyak 98.8% responden memberikan

reaksi positif iaitu sangat setuju dan setuju bahawa PKP bertujuan untuk mengekang virus COVID-19 dan memutuskan rantaian jangkitan di Malaysia. Bagi responden yang bukan dikategorikan sebagai ‘essential workers’ mereka perlu bekerja dari rumah

menurut arahan pihak kerajaan. Seramai 93.8% responden bersetuju dengan pernyataan bahawa PKP bermakna para pekerja terutama mereka yang bukan dalam kategori penting masih perlu bekerja tetapi dari rumah.

JADUAL 1. Pengetahuan mengenai PKP

Pengetahuan PKP	Positif (Setuju & sangat setuju %)	Negatif (Tidak setuju & sangat tidak setuju %)
Tidak boleh keluar rumah tanpa sebab.	94.1	5.9
Perlu bekerja dari rumah.	93.8	6.2
Mengekang penularan wabak COVID-19.	98.8	1.2
Boleh keluar beramai-ramai dalam satu keluarga untuk membeli barang keperluan.	5.6	94.4
Boleh ditangkap dan dihukum jika ingkar PKP.	94.5	5.5
Arahan melaksanakan penjarakkan sosial.	100.0	0.00

Sumber: Kajian Tinjauan, 2020

Kesemua responden bersetuju bahawa PKP memerlukan setiap individu mengamalkan ‘social distancing’ atau penjarakkan sosial antara satu sama lain. Hal ini kerana, virus COVID-19 mudah berjangkit antara manusia dengan manusia (Muhammad Adnan Sheeren 2020). Maka penjarakkan sosial sangat penting dan oleh sebab itu PKP dilaksanakan. Namun demikian, PKP bukanlah satu perintah ‘darurat’, dengan kata lain masyarakat awam masih boleh keluar terutama jika mahu membeli barang keperluan asas isi rumah. Walau bagaimanapun, terdapat garis panduan yang dikemukakan oleh pihak kerajaan, iaitu hanya ketua isi rumah sahaja dibolehkan untuk keluar membeli barang keperluan asas. Terdapat sebanyak 5.6% responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Situasi ini mungkin disebabkan oleh kurang kesedaran dalam diri responden tentang kepentingan tidak keluar beramai-ramai untuk membeli barang. Selain itu, oleh kerana PKP telah diwartakan di bawah Akta Polis 1967, ini bermaksud PDRM sebagai agen kawalan sosial formal mempunyai kuasa melakukan tangkapan, menyoal siasat dan membuka kertas siasatan terhadap mereka yang ingkar arahan PKP. Seramai 94.5% responden memberikan reaksi setuju dan sangat setuju bahawa sesiapa yang mengingkari perintah PKP boleh

ditangkap, didakwa dan dijatuhi hukum. Intipati asas PKP dilaksanakan adalah untuk menjaga jarak sosial antara setiap individu di dalam sesebuah komuniti dan itu dipersetujui sepenuhnya oleh kesemua responden.

#### REAKSI TERHADAP PKP

Ketika kajian ini dilaksanakan, PKP telah memasuki Fasa ke-3. Oleh kerana PKP telah berlangsung agak lama, para responden memberikan pelbagai reaksi mereka terhadap PKP setakat ini. Berdasarkan Jadual 2, majoriti responden iaitu sebanyak 94.2% responden telah menjangkakan bahawa tempoh PKP akan memakan masa yang lama. Walaubagaimanapun, tempoh PKP yang lama turut memberikan kesan negatif terhadap segelintir individu. Ini dibuktikan apabila seramai 45.3% responden bersetuju bahawa tempoh PKP yang lama membuatkan mereka tertekan. Pelbagai tekanan boleh berlaku antaranya, tekanan kerana tidak berjumpa dengan ibu bapa bagi anak-anak yang tinggal berjauhan. Tekanan juga berlaku disebabkan kurangnya interaksi sosial dengan orang lain. Manusia adalah haiwan sosial yang memerlukan sekumpulan manusia lain untuk berhubung dan membina hubungan sosial (Tomasello, 2020).

JADUAL 2. Reaksi terhadap PKP

Reaksi terhadap PKP	Positif (Setuju & sangat setuju %)	Negatif (Tidak setuju, sangat tidak setuju %)
Sudah menjangkakan PKP akan berpanjangan.	94.2	5.8
Tertekan kerana sudah lama tempoh PKP.	45.3	54.7
Bimbang akan dibuang kerja oleh majikan.	25.0	75.0
Harapan sektor kritikal diberi lebih banyak ruang beroperasi.	19.4	80.6
Penguatkuasaan perlu lebih ketat.	19.4	80.6
Harapan semua rakyat mematuhi arahan PKP.	19.0	81.0

Sumber: Kajian Tinjauan, 2020

Tekanan memikirkan kemungkinan dibuang kerja atau dipotong gaji oleh majikan meskipun pihak kerajaan menyakinkan bahawa majikan tidak boleh membuang pekerja ketika musim PKP berlangsung turut menimbulkan reaksi masyarakat. Seramai 25% responden turut menyatakan tekanan memikirkan kemungkinan akan diberhentikan kerja oleh majikan mereka. Hasil kajian mendapati rata-rata responden yang menyuarakan kebimbangan ini terdiri daripada responden yang bekerja swasta dan bukan terdiri dari perkhidmatan asas (essential service). Oleh yang demikian, sebanyak 19.4% responden menyuarakan hasrat supaya perkhidmatan yang dibenarkan beroperasi diperluaskan oleh pihak kerajaan. Sebanyak 19.4% responden lain turut mengharapkan bahawa penguatkuasaan lebih ketat perlu dilaksanakan oleh pihak kerajaan terutamanya ketika PKP telah memasuki Fasa ke-3 kini. Ini secara tidak langsung akan membantu menghapuskan rantaian COVID-19 dengan lebih cepat dan memungkinkan bahawa PKP akan ditamatkan dalam masa terdekat.

Dalam wabak COVID-19 ini, pihak syarikat sememangnya dituntut membantu menguruskan tekanan emosi para pekerja melalui “operational

continuity. Dalam situasi getir, peranan pihak swasta akan menaikkan imej syarikat secara langsung dan membentuk tanggungjawab (Accenture, 2020). Melihat kepada pola jangkitan di seluruh dunia amnya, dan Malaysia khususnya, lanjutan PKP sememangnya sangat perlu dilaksanakan bagi mengekang penularan jangkitan yang lebih serius. Penjarakkan sosial yang ketat sememangnya dapat membantu mengurangkan pandemik COVID-19 (Milne & Xie 2020).

#### KEPATUHAN TERHADAP PKP

Seramai 99.8% iaitu majoriti responden mengakui bahawa mereka telah mematuhi arahan PKP yang dikeluarkan oleh kerajaan sehingga kini. Manakala baki dua peratus pula telah mengingkari arahan PKP kerana sebab-sebab tertentu. Kepatuhan terhadap PKP seperti Jadual 3. Hampir kesemua responden iaitu sebanyak 98.5% menyatakan bahawa mereka mematuhi arahan PKP adalah kerana rasa tanggungjawab terhadap negara. Manakala sebanyak 63.4% responden turut menyatakan bahawa dengan mematuhi PKP mereka berharap bahawa ia dapat membantu memutuskan rantaian COVID-19 di Malaysia.


JADUAL 3. Kepatuhan terhadap PKP

Kepatuhan terhadap PKP	Positif (Setuju & sangat setuju %)	Negatif (Tidak setuju, sangat tidak setuju %)
Patuh kerana takut ditangkap oleh pihak berkuasa.	56.0	44.0
Patuh kerana takut dihadapkan ke mahkamah dan dijatuhkan hukuman.	57.4	42.6
Patuh kerana ia tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia.	98.5	1.5
Patuh kerana mahu memutuskan rantaian COVID-19.	63.4	36.6

Sumber: Kajian Tinjauan, 2020

Pematuhan terhadap penjarakkan sosial adalah salah satu langkah pencegahan dalam kesihatan awam dengan tujuan mengasingkan individu yang mempunyai simptom dengan anggota komuniti yang lain (Pearce, 2020). Jika dilihat daripada

langkah PKP yang telah diamalkan setakat ini, ia boleh dianggap berjaya membendung penularan wabak COVID-19 di Malaysia (Rajah 1). Rajah 1 menunjukkan trend penurunan kes COVID-19 sejak PKP dilaksanakan.



RAJAH 1. Pola jangkitan COVID-19 di Malaysia mengikut Fasa PKP

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia (2020)

Selain itu, terdapat seramai 56% responden yang mengakui bahawa mereka mematuhi arahan PKP kerana takut ditangkap oleh pihak berkuasa. Memasuki Fasa ke-3 PKP, kerajaan mengambil pendekatan lebih ketat terhadap individu ingkar. Infografik yang dipaparkan pada 23 April 2020 oleh Harian Metro yang bertajuk “Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 3 menunjukkan sebanyak 19,048 orang telah ditahan bermula 18 Mac 2020 hingga 23 April 2020. Manakala sebanyak 1.014 orang telah dituduh di mahkamah seluruh Negara (Harian Metro, 23 April 2020). Individu-individu tersebut telah ditahan reman, ada yang telah dijatuhkan hukuman samada dikhendaki membayar denda RM1000 atau dipenjara. Sesungguhnya, langkah penguatkuasaan ketat yang diambil oleh pihak kerajaan menunjukkan kesungguhan bagi memastikan semua rakyat mematuhi arahan PKP. Kepatuhan ini didorong oleh kesedaran komuniti tentang kepentingan mematuhi peraturan agar tidak dikenakan Tindakan di kemudian hari dan dipandang serong oleh anggota masyarakat lain (N. K. Tharshini et al. 2020).

Bagi responden yang mengingkari arahan PKP, mereka memberikan sebab antaranya adalah perlu ke hospital ataupun klinik kerana mempunyai masalah kesihatan, perlu menghadiri urusan

kematian saudara terdekat, dan perlu keluar bekerja. Jika dilihat sememangnya, kita masih belum berjaya memastikan 100% kepatuhan PKP, apabila melihat kepada statistik dari jumlah tangkapan ingkar setiap hari yang dilakukan oleh pihak PDRM. Adalah penting bagi semua rakyat, mengambil serius saranan PKP dan mematuhi setiap arahan berkenaan PKP. Ini disokong oleh seramai 77.8% responden yang menyatakan bahawa masih ramai rakyat Malaysia yang tidak menyedari bahawa pentingnya mematuhi arahan PKP. Hal ini diakui benar oleh laporan Harian Metro pada 2 & 16 April 2020 dan Sinar Harian pada 17 April 2020 mengenai alasan masyarakat yang mengatakan mereka tidak tahu arahan PKP sewaktu di tahan oleh penguatkuasa di Dungun, Endan dan Alor Star. Selain itu, Sikap pentingkan diri kerana tidak mematuhi arahan PKP tersebut bakal memberikan kesan kepada anggota masyarakat yang lain dan secara langsung menyukarkan hasrat kerajaan bagi memutuskan rantaian COVID-19 dalam masa terdekat.

Dalam reaksi masyarakat kepada pematuhan PKP untuk mempercepatkan meratakan lekuk jangkitan, proses *self internalization* sangat penting kerana manusia itu sendiri boleh mengawal keadaan. Bagi situasi penyebaran wabak COVID-19, teori penentan

nasib senidiri yang di kemukakan oleh Deci & Ryan (1985) menjelaskan bahawa seseorang secara semula jadi bermotivasi untuk menginternalisasi peraturan yang telah ditetapkan. Dua proses itu berlaku untuk menghasilkan nilai pengaturan diri dan mengintegrasikan gaya pengawalseliaan. Seseorang itu mengambil nilai atau proses pengawalseliaan bersama diasimilasikan dengan diri sendiri untuk kawalan dalaman dan menentukan nasib diri sendiri. Hal ini jelas menunjukkan self internalization sangat memainkan peranan dalam mempengaruhi masyarakat untuk lebih mengambil berat tentang nasib masa depan secara bersama. Kawalan kendiri ini boleh berlaku melalui proses sosialisasi melalui keluarga serta persekitaran sosial (Rozmi Ismail et al. 2017).

Manakala menurut Epstein (2006) menganggap *self internalization* adalah sebagai satu norma. Ia merupakan satu proses yang membawa kepada pematuhan secara automatik atau tanpa dijelaskan kerana menurutnya, *self internalization* terdiri daripada pembelajaran yang diterima oleh keluarga berkaitan peraturan mahupun undang-undang. Secara tidak langsung, ia akan memberikan manfaat kepada semua orang. Bagi menjelaskan manfaat kepada peraturan, Vansteenkiste et al. (2018) menjelaskan sesuatu peraturan luaran merupakan bentuk motivasi ekstrinsik pertama. Peraturan luaran merupakan bentuk motivasi ekstrinsik yang utama. Apabila peraturan dikenakan wujudnya daya tarik yang melekat yang mana seseorang itu berusaha juga untuk memenuhi harapan orang lain bagi memenuhi tuntutan.

## KESIMPULAN

Penjarakkan sosial masih menjadi satu perkara baru bagi rakyat negara ini. Justeru itu, apabila hari-hari awal PKP dahulu, masih terdapat ramai rakyat yang bersikap seolah tiada apa yang berlaku. Masih ada yang minum melepak di kedai kopi, masih ada yang boleh melakukan aktiviti sosial di tempat terbuka dan tidak mengendahkan arahan pihak kerajaan. Hal ini kerana, Malaysia bahkan dunia tidak pernah berhadapan dengan virus seperti COVID-19 yang memaksa kita untuk menghadkan interaksi sosial dan hubungan sosial dengan orang lain. Oleh yang demikian, masyarakat kita memerlukan sedikit masa untuk memahami mengapa mereka perlu patuh kepada PKP ini. Kini, usaha kawalan sosial melalui PKP telah mula menampakkan hasilnya apabila banyak kes jangkitan telah mula menunjukkan trend

penurunan. Walaubagaimanapun, kebimbangan mengenai kurangnya ‘self internalization’ dalam kalangan anggota masyarakat. Hal ini terbukti apabila rakyat tidak hanya mematuhi PKP kerana mereka sedar ianya perlu dipatuhi. Sebaliknya, mereka bimbang jika mereka tidak mematuhi terdapat kecenderungan tinggi mereka bakal ditangkap, didakwa dan dijatuahkan hukum. Isu kesedaran tentang pentingnya mematuhi PKP masih di tahap lemah. Advokasi pendidikan mengenai kepentingan mematuhi PKP telah banyak dilakukan oleh pihak KKM namun ianya seperti tidak mencukupi seandainya masih ada individu yang sengaja mengingkari arahan PKP tanpa alasan munasabah.

## RUJUKAN

- Accenture. 2020. Public Services: At the Forefront of COVID-19. [https://www.accenture.com/\\_acnmedia/PDF-122/Accenture-COVID-19-Public-Servic-Industry-Response.pdf#zoom=40](https://www.accenture.com/_acnmedia/PDF-122/Accenture-COVID-19-Public-Servic-Industry-Response.pdf#zoom=40). Retrieved 10 Mac 2020.
- ASEAN Policy Brief. 2020. Economic Impact of COVID-19 Outbreak on ASEAN (April). [https://asean.org/storage/2020/04/ASEAN-Policy-Brief-April-2020\\_FINAL.pdf](https://asean.org/storage/2020/04/ASEAN-Policy-Brief-April-2020_FINAL.pdf). Retreived 16 April 2020.
- Barkur, G., Vibha, Kamath, G. B. 2020. Sentiment Analysis of Nationwide Lockdown due to COVID-19 Outbreak: Evidence from India. *Asian Journal of Psychiatry* 11(4): 132-139.
- BBC News. 2020. Coronavirus: The world in lockdown in maps and charts. <https://www.bbc.com/news/world-521037474>. Retrieved 18 Jun 2020.
- Bhat, R., Varun, K. S, Nithesh, N. C., Raghavendra, K., Prashant, M., & Nirajan, K. 2020. COVID2019 outbreak: The disappointment in Indian teachers. *Asian Journal of Psychiatry* 50: 102-107.
- Chen, P., Lijuan, M., George, P. N., Peter, H., Barbara, E. A., & Fuzhong, L. 2020. Opinion Wuhan coronavirus (2019-nCoV): The need to maintain regular physical activity while taking precautions. *Journal of Sport and Health Science* 3(11): 321-333.
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. 1985. *Intrinsic motivation and self-determination in human behavior*. New York, NY: Plenum.
- Epstein, J. 2006. *Generative Social Science. Studies in Agent-Based Computational Modeling*. Princeton-New York: Princeton University Press.
- Giovanetti, M., Benvenuto, D., Angeletti, S., Ciccozzi, M. 2020. The first two cases of 2019-nCoV in Italy: Where they come from? *Journal of Medical Virology* 92(5): 518-521.
- Harian Metro. 2020. Tak tahu arahan bukan alasan, 2 April.

- Harian Metro. 2020. Tak tahu PKP katanya, 15 April.
- Harian Metro. 2020. Infografik Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 3, 18 Jun.
- Ismail, R., Ahmad, N.A., Ibrahim, F. & Nen, S. 2017. Pengaruh faktor individu, keluarga dan persekitaran sosial terhadap tingkah laku penyalahgunaan bahan dalam kalangan remaja. *Akademika* 87(1): 7-16.
- Karnon, J. 2020. A Simple Decision Analysis of a Mandatory Lockdown Response to the COVID-19 Pandemic. *Applied Health Economics and Health Policy* 12(2): 89-96.
- Malaysia Kini. 2020. Pakar: Jangan balik kampung, usah pergi bercuti. <https://www.malaysiakini.com/news/515008>. Retrieved 19 Nov 2020.
- Milne, G. J., & Xie, S. 2020. The Effectiveness of Social Distancing in Mitigating COVID-19 Spread: a modelling analysis. *MedRxiv* 6(3): 118-123.
- Muhammad Adnan Sheeren., Suliman Khan., Abeer Kazmi., Nadia Bashir., & Rabeea Siddique. 2020. COVID-19 infection: Origin, transmission, and characteristics of human coronaviruses. *Journal of Advanced Research* 24: 91-98.
- Nazir, S., & Rashid, A. 2020. Community callousness towards lockdown of COVID-19 pandemic and the role of preventive specialist. *International Journal of Research and Review* 7(4): 232-236.
- N. K. Tarshini., Fauziah Ibrahim, Mohd Shuhaimi Mohamad & Ezarina Zakaria. 2020. Hubungan di antara konsep kendiri dan kesedaran komuniti dengan sokongan sosial bagi pesalah muda di Malaysia. *Akademika* 90(3): 39-48.
- Pearce, K. 2020. What is social distancing and how can it slow the spread of covid-19?. <https://hub.jhu.edu/2020/03/13/what-is-social-distancing/>. Retreived 14 Mei 2020.
- Sinar Harian. 2020. PKP: Kronologi PKP sehingga 10 April. 10 April.
- Sinar Harian. 2020. Tidak masuk akal, masih ada rakyat dakwa tak tahu PKP, 17 April.
- Tomasello, M. 2020. The ultra social animal. *European Journal of Social Psychology* 44: 187-194.
- Vansteenkiste, M., Nathalie, A., Gert-Jan, D. M., LeenHaerens, Erika, P., & Johnmarshall, R. 2018. Fostering Personal Meaning and Self-relevance: A Self-Determination Theory Perspective on Internalization. *The Journal of Experimental Education* 86(1), 30-49.
- World Health Organisation. 2020. Coronavirus disease (COVID-19) outbreak situation. <https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019>. Retrieved 18 Julai 2020.
- Nur Hafizah Yusoff (corresponding author)  
Program Antropologi dan Sosiologi  
Pusat Kajian, Pembangunan, Sosial dan Persekutaran (SEEDS)  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK)  
43600 UKM Bangi  
Selangor  
Malaysia  
Email: nur\_hafizah@ukm.edu.my
- Muhammad Ridhwan Sarifin  
Jabatan Kemasyarakatan & Kewarganegaraan (JKKK),  
Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK)  
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)  
35900 Tanjung Malim  
Perak Darul Ridzuan  
Malaysia  
Email: ridhwan.sarifin@fsk.upsi.edu.my

Received: 11 June 2020

Accepted: 1 June 2021